


## **STATUTORY DECLARATION**

I, TAN SRI ROBERT PHANG MIOW SIN (NRIC No: 390601-71-5295) a Malaysian citizen of full age and residing at No. 9, Jalan Maktab 5, Off Jalan Semarak, Kuala Lumpur, do hereby solemnly and sincerely declare that :-

1. From 24.2.2009 to 27.1.2011, I served as a member of the Corruption Prevention and Consultative Panel of the Malaysian Anti Corruption Commission (“MACC”).
  2. During my tenure as a panel member of the MACC, I received a letter dated 11.11.2010 from Encik Rosli Dahlan with regard to a charge brought by the Public Prosecutor against him in Kuala Lumpur Session Court Arrest No: 62-449-2007 (PP v Rosli Bin Dahlan). A copy of this letter is marked herein as **Attachment A**.
  3. Encik Rosli Dahlan had attached his letter dated 1.9.2010 to the Chief Commissioner MACC requesting the MACC to withdraw the charge against him, which is marked herein as **Attachment B**.
  4. I raised this matter with the Chief Commissioner MACC, Dato’ Seri Hj. Abu Kassim Bin Mohamed, who informed me that the MACC had no case against Encik Rosli Dahlan in the above prosecution, but he was prevented by the Public Prosecutor, who is also the Attorney General of Malaysia, Tan Sri Abdul Gani Patail, from discontinuing the prosecution against Encik Rosli Dahlan despite being aware that the case would result in an acquittal.
  5. I verily believe and state that there had been abuse of power, selective prosecution, abuse of prosecutorial discretion, malicious prosecution and prosecutorial misconduct by Tan Sri Abdul Gani Patail in the handling of the above matter against Encik Rosli Dahlan.

And I make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true, and by virtue of the provisions of the Statutory Declaration Act 1960.

Subscribed and solemnly )  
declared by the abovenamed )  
**TAN SRI ROBERT PHANG MIOW SIN** )   
at      Kuala Lumpur the State of )  
on the 16th day of August, 2012 ) .....  
16 AUG 2012  
(TAN SRI ROBERT PHANG MIOW SIN)



Unit A11-1 & 2, Megan Avenue 1,  
No. 189, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.

## **ATTACHMENT A**

# Rosli Dahlan

c/o Level 16, Menara Tokio Marine Life  
189 Jalan Tim Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Malaysia  
Office Tel DL: 603-2170 5804  
Fax: 603-2161 3933  
e-mail: rd@tl-ag.com

Tarikh: 11hb November, 2010.

1. Y.Bhg Prof. Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan  
Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
Aras 7, Blok D6, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya
2. Y.Bhg Tan Sri Robert Phang Miow Sin  
Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
Aras 4, Blok D6, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya
3. Y.B. Tuan Salahuddin bin Hj. Ayub  
Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
Aras 7, Blok D6, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya

Y.Bhg Tan Sri / Y.B.,

Per: Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur  
Kes Tangkap No: 62-449-2007  
Pendakwa Raya –Iwn- Rosli Bin Dahlan


Adalah dengan hormat saya merujuk kepada perkara tersebut di atas yang kini ditetapkan untuk sambung bicara pada 20hb Disember 2010.

Saya telah menulis surat kepada YDH Dato' Sri Hj. Abu Kassim bin Mohamed pada 1hb September 2010 meminta supaya pertuduhan terhadap saya ditarik balik. Namun sehingga kini tiada sebarang perkembangan di maklumkan kepada saya. Sesalinan surat saya bertarikh 1hb September 2010 dilampirkan bersama ini yang kandungannya menjelaskan hasrat dan permintaan saya.

BY HAND

Acknowledege receipt

Company Chop and Signature  
Date :



Sudilah kiranya pihak-pihak Tan Sri dan YB sebagai wakil kepada Lembaga, Panel dan Jawatankuasa SPRM membangkitkan hal ini kepada YDH Ketua Pesuruhjaya supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan segera demi kebaikan semua pihak.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


ROSLI DAHLAN

Lamp.

## **ATTACHMENT B**

# Rosli Dahlan

c/o Level 16, Menara Tokio Marine Life  
189 Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Malaysia  
Office Tel DL: 603-2170 5804  
Fax: 603-2161 3933  
e-mail: [rd@fh-ag.com](mailto:rd@fh-ag.com)



Tarikh: 1hb September, 2010.

**YDH Dato' Sri Hj. Abu Kassim bin Mohamed**

Ketua Pesuruhjaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
Blok D6, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Peti Surat 60000  
62007 Putrajaya

Dengan Faks, E-mail &  
Serahan Tangan

Faks No: 03-88889562  
E-mail : [a1@sprm.gov.my](mailto:a1@sprm.gov.my)

*Assalamu'alaikum w.b.t.,*

YDH Dato',

**Per: Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur Kes Tangkap No: 62-449-2007  
Pendakwa Raya –Iwn- Rosli Bin Dahlan**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perbicaraan yang akan disambung pada 6hb hingga 8hb September, 2010.

Dengan penuh rasa insaf dan rendah diri, saya memohon perhatian dan pertimbangan Dato' untuk menarik balik pertuduhan terhadap saya sebelum atau pada tarikh sambung bicara akan datang. Besarlah hati saya, jika Dato' sudi mengambil kira fakta dan alasan-alasan ringkas seperti berikut:

- a) Hubungan saya dengan Dato' Ramli Yusuff adalah sebagai rakan sekuliah sejak dari universiti. Memang menjadi kelaziman saya membantu sesiapa jua yang memerlukan nasihat guaman. Hal ini boleh ditanyakan kepada kenalan dan sahabat handai termasuk ahli Kariah di Masjid kawasan saya. Apatah lagi dalam hubungan akrab rakan seperjuangan, saya bersenang hati memberikan khidmat nasihat guaman kepada Dato' Ramli Yusuff sepertimana juga dengan Dato' Nordin Hassan dan keluarganya. Hal ini boleh ditanyakan kepada Dato' Nordin Hassan sendiri. Perkara tersebut tidak sedikit pun menjegas kredibiliti mana-mana pihak kerana ianya dibuat secara telus dan profesional;
- b) Berhubung integriti dan keperibadian saya sejak di universiti, Dato' boleh bertanyakan sendiri kepada Prof Tan Sri Dr Mohd Kamal Hassan yang merupakan ahli Lembaga Penasihat SPRM. Dato' juga boleh bertanyakan keperibadian profesional saya kepada Tan Sri Dato' Robert Phang yang menganggotai panel Pencegahan

Rasuh SPRM. Sebelum kejadian ini, reputasi saya sebagai seorang peguamcara Melayu/Islam adalah tanpa sebarang cela;

- c) Sejak bermulanya perkara ini, saya telah mempertikaikan kesahihan pengeluaran Notis dibawah Seksyen 32(1)(b) yang dibuat terhadap saya oleh TPR SPRM;
- d) Jawapan saya melalui Akuan Berkanun bertarikh 20hb September, 2007 adalah perisyiharan tulus dari saya bahawa saya tidak terbabit dalam apa jua harta Dato' Ramli Yusuff atau sebarang penyelindungan keatasnya. Malah, saya memberikan perakuan bahawa saya "able, ready and willing" memberikan apa jua maklumat lanjut jika diperlukan. Tuan TPR dan/atau penyiasat SPRM tidak pernah menghubungi saya untuk meminta saya memberikan penjelasan dan tiada satupun rakaman percakapan saya pernah dibuat sebelum saya ditangkap;
- e) Amatlah memilukan apabila pada bulan Ramadhan 2007, saya diperlakukan secara kasar, ditangkap dengan bergari sehingga luka dan ditahan semalam dalam lokap SPRM dan kemudiannya dikenakan pertuduhan di Mahkamah dengan cara yang amat mengaibkan sehari sebelum Aidilfitri. Aib, hiba dan duka dihati tidak dapat digambarkan dan masih menjadi ingatan pahit bagi diri saya, isteri dan anak-anak saya;
- f) Perbicaraan yang telah berjalan kini menunjukkan bahawa keterangan para saksi SPRM setakat ini mengesahkan bahawa saya hanya diperlukan sebagai saksi dan tidak terbabit dalam apa jua salahlaku yang disyaki;
- g) Malahan, pihak utama yang dituduh iaitu Dato' Ramli bin Yusuff telah pun dibebaskan dan dilepaskan daripada kesemua pertuduhan oleh beberapa Mahkamah;
- h) Pada setiap waktu, saya sentiasa berkerjasama dengan pihak SPRM;
- i) Sejak kejadian ini, kerjaya saya telah mengalami mudarat, terlebih lagi saya banyak berurusan dengan syarikat asing yang lazimnya mengkaji latarbelakang peguam yang akan dilantik. Ini jelas apabila "google" search nama saya akan menunjukkan tindakan SPRM terhadap saya yang memberikan gambaran negatif bahawa saya di tuduh dengan kesalahan di bawah akta anti rausah. Saya boleh memberikan banyak contoh tentang pertanyaan yang diterima firma saya yang mempersoalkan kewibawaan saya sebagai seorang peguamcara;
- j) Amatlah menjerihkan untuk membersihkan nama yang telah teronar ditambah pula dengan kos guaman tinggi yang terpaksa saya tanggung. Malah, bukan saja saya, isteri dan anak-anak mengalami aib yang teramat sangat, malah kaum keluarga besar saya juga mengalami tekanan perasaan yang sama.

Dalam bulan Ramadhan Kareem ini, saya dengan rendah diri memohon ihsan dan pertimbangan Dato' supaya perkara ini dapat diselesaikan tanpa perlu diputuskan oleh Mahkamah. Apapun perasaan yang terbukti dihati saya, waktunya telah tiba dimana saya perlu redha ianya sebagai ketentuan Allah.

Secara peribadi, saya menyokong kewujudan dan peranan SPRM sebagai satu institusi keramat yang diperlukan demi membanteras gejala rasuah di negara ini. Namun, akan menjadi satu kedukaan jika institusi ini dianggap oleh masyarakat awam sebagai telah disalahgunakan sehingga memangsakan orang-orang yang tidak bersalah.

Andaikata sahutan hati saya ini menyentuh naluri insaniah Dato', saya yakin kita dapat berkerjasama memainkan peranan masing-masing demi menegakkan kebenaran dan perlaksanaan undang-undang dengan tulus dan ikhlas mematuhi prinsip '*Rule of law*'.

Amatlah malang jika rayuan saya ini tidak menerima sambutan di pihak Dato' sebagai usaha saya mencari penyelesaian dan perdamaian dalam perkara ini. Janganlah sampai penolakan rayuan saya ini akhirnya memaksakan kepada proses undang-undang yang tidak berkesudahan yang tidak akan membawa kepada sebarang manfaat kepada kita dan juga masyarakat amnya.

Sebaliknya, persetujuan Dato' untuk menamatkan prosiding pendakwaan dengan menarik balik pertuduhan terhadap saya akan menjadi satu petanda baik bahawa SPRM adalah satu institusi yang berani mengambil langkah yang betul demi menegakkan kebenaran. Ini akan menjadi satu pembukaan lembaran baru dalam sejarah SPRM dibawah teraju Dato' sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Semoga kita diberi hidayah dan mendapat afiah dan hasanah dibulan Ramadhan yang penuh barokah ini.

Selamat Hari Raya Aidilfitri Minal Aidil Wal Faidzin.

Besarlah hati saya jika menerima jawapan segera dari pihak Dato'.

*Sekian, terima kasih.*

*Yang benar,*

**ROSLI DAHLAN**

s.k. - YDH Dato' Abdul Razak bin Musa  
Pengarah Pendakwaan  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
Blok D6, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Peti Surat 60000  
62007 Putrajaya



Dengan Faks, E-mail &  
Serahan Tangan  
Faks No: 03-88889552  
E-mail: [sfc@sprm.gov.my](mailto:sfc@sprm.gov.my)